

Notis MSD Malaysia Mengenai Amalan Data Untuk Pakar Kesihatan

FAKTA	<p>Notis ini akan memberikan gambaran secara menyeluruh berkenaan amalan yang dijalankan oleh Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn Bhd ("MSD"), yang merupakan ahli Merck & Co., Inc, Rahway, NJ, Amerika Syarikat, syarikat global yang berpangkalan di Amerika Syarikat, berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penzahiran data berkaitan penjagaan kesihatan global. Notis ini tidak bertujuan untuk menggantikan notis atau persetujuan lain yang diberikan oleh syarikat kami kepada profesional penjagaan kesihatan mengikut undang-undang dan peraturan tempatan atau untuk program tertentu. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara notis atau persetujuan yang dikehendaki oleh undang-undang tempatan dan Notis ini, notis atau persetujuan yang diperlukan oleh undang-undang tempatan akan diguna pakai.</p>
Pendekatan Kami	<p>Pendekatan kami terhadap privasi bermula dengan nilai kami. Selaras dengan tradisi kami untuk menegakkan piawaian etika yang tinggi merentasi amalan perniagaan kami, kami telah menunjukkan komitmen kami terhadap privasi dengan menubuhkan program privasi global untuk menyokong pematuhan undang-undang dan piawaian privasi yang berkenaan untuk melindungi maklumat peribadi di seluruh dunia.</p>
Privasi Di MSD	<p>Di MSD Malaysia - sebuah syarikat farmaseutikal yang berasaskan penyelidikan peringkat antarabangsa, privasi adalah belandaskan kepercayaan. Selaras dengan budaya syarikat kami yang mendukung piawaian etika yang tinggi dalam amalan perniagaan kami, kami telah memperlihatkan komitmen kami terhadap perlindungan privasi dengan membangunkan program privasi di peringkat global bagi menyokong pematuhan terhadap undang-undang dan piawaian privasi yang berkenaan demi melindungi maklumat peribadi di seluruh dunia.</p>
Mengapa?	<p>MSD mengumpul, menerima, menggunakan dan menzahirkan maklumat yang boleh dikenal pasti ("maklumat peribadi" mengenai seseorang doktor, jururawat, ahli farmasi, pengkaji, penyelidik dan lain-lain pakar kesihatan yang menurut dan seperti yang termaktub dalam undang-undang berkaitan, dan jika berkenaan, di bawah pemantauan penguatkuasa kerajaan yang berkenaan, berhubung dengan pengoperasian perniagaan kami, yang juga termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pengurusan kajian klinikal, epidemiologi dan hasil kajian • aduan dan laporan terhadap produk dan mengenai reaksi buruk • diskaun preskripsi dan program bayaran balik • perbincangan berkaitan produk kami melalui wakil profesional syarikat kami, laman syarikat, talian e-mail, pusat panggilan, penghantaran pos dan siaran lain yang berkaitan, termasuk promosi dan komunikasi permasaran yang lain. • Simposium, koferensi serta Program Pendidikan dan saintifik yang berkaitan. • Permintaan terhadap sampel produk dan pesanan produk kami, seperti yang dibenarkan dalam undang-undang • Laporan maklumat kewangan • Penyelidikan perniagaan dan penyelidikan pemasaran • Mengaudit program dan sumber syarikat bagi tujuan pematuhan undang-undang dan tujuan keselamatan • Mengenal pasti dan berhubung dengan pakar dan peneraju saintifik • Memberikan akses kepada sumber syarikat kami dan menjejaki rekod interaksi pihak kami dengan anda sama ada secara atas talian (on-line) atau luar talian (offline). (Amalan dalam talian kami dikawal oleh Dasar Privasi Internet kami. • Menjejak bayaran yang dibuat kepada pakar kesihatan untuk perkhidmatan yang dilaksanakan untuk pihak syarikat. • Pembangunan program jualan dan permasaran • Menyampaikan program dan material kepada pesakit anda • Menentukan kesesuaian berdasarkan undang-undang yang digunapakai ke atas perniagaan kita, termasuk keperluan untuk berhubung dengan pakar kesihatan profesional bagi sesetengah urusan seperti yang telah dinyatakan di atas. • Prosiding undang-undang dan siasatan oleh pihak kerajaan, termasuk pemeliharaan data-data yang berkaitan • Jika dikehendaki atau diminta untuk dinyatakan berdasarkan undang-undang yang mentadbir perniagaan kita di seluruh dunia <p>Jika undang-undang tempatan memerlukan anda untuk memberikan persetujuan khusus bagi tujuan pengumpulan, penggunaan dan penzahiran maklumat peribadi bagi tujuan beberapa program ini, anda boleh diminta untuk memberikan persetujuan anda melalui cara mengisi borang secara bertulis, atas talian, melalui perbincangan telefon atau melalui cara lain yang bersesuaian dan sah.</p>

Tarikh Kuat Kuasa: Mac 2026

MSD berhak mengubah, menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil keputusan mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-malaysia.com/our-values/privacy.

Notis MSD Malaysia Mengenai Amalan Data Untuk Pakar Kesihatan

	<p>Lazimnya, kegagalan anda untuk memberikan maklumat peribadi seperti yang diminta akan menghadkan servis perkhidmatan kami kepada anda atau menghadkan cara kami berinteraksi dengan anda. Dalam keadaan tertentu, jika anda gagal memberikan maklumat peribadi yang mana merupakan mandatori, kami tidak akan dapat memberikan perkhidmatan kami kepada anda atau berinteraksi dengan anda sama sekali. Kecuali kami dikehendaki oleh undang-undang untuk menggunakan atau menzahirkan maklumat peribadi anda bagi tujuan yang tertentu, anda juga boleh menarik diri daripada program tertentu dengan menghubungi kami seperti yang diterangkan dalam bahagian "Hubungi Kami" dalam borang ini.</p>
--	---

<h3>Apa?</h3>	<p>Jenis maklumat peribadi yang kami perolehi (secara langsung daripada anda, sumber maklumat awam atau pihak ketiga) dan menzahirkan adalah bergantung dengan jenis hubungan yang anda miliki bersama MSD serta keperluan undang-undang yang terpakai. Maklumat ini adalah termasuk seperti :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat perhubungan • Kelayakan profesional, penerbitan, paten dan pencapaian bidang sains serta perubatan yang lain • Peranan atau jawatan yang dipegang dalam Badan atau Hospital Kerajaan atau pertubuhan pembayar • Tarikh lahir atau umur • Pertalian institusi atau organisasi • Program dan aktiviti yang pernah disertai • Maklumat mengenai preskripsi produk MSD oleh anda • Perjanjian yang telah dipersetujui oleh anda dan pihak syarikat • Maklumat mengenai pembayaran, termasuk nombor pengenalan cukai • Keutamaan komunikasi anda • Maklumat mengenai rakan-rakan sekerja saintifik dan perubatan anda serta para peneraju dalam bidang perngkhususan anda. <p>Contoh-contoh yang diberikan di atas tidak meliputi semua maklumat yang diperolehi. MSD juga mungkin mengutip maklumat yang serupa ataupun yang berkaitan.</p>
---------------	---

<h3>Bagaimana?</h3>	<p>Di bahagian ruangan di bawah, kami menyernaraikan tujuan syarikat farmaseutikal seperti MSD kebiasaannya menzahirkan maklumat peribadi berkaitan pakar kesihatan, tujuan penzahiran dilakukan dan sama ada anda boleh menghadkan tahad penzahiran. MSD melaksanakan langkah keselamatan yang diambil adalah bersesuaian serta selamat bagi mengelakkan daripada maklumat yang dimiliki itu disalah guna, hilang, dizahirkan tanpa kebenaran, diubahkan atau dimusnahkan.</p>
---------------------	---

Tujuan yang membenarkan maklumat peribadi untuk dizahirkan	Adakah akan kami zahirkan?	Adakah anda berhak menghadkan penzahiran?
Kepada syarikat yang mempunyai jalinan kerjasama bersama MSD, bagi tujuan produk dan perkhidmatan.	Tidak, kecuali anda menizinkannya secara nyata.	Ya
Kepada syarikat yang tidak mempunyai sebarang kolaborasi bersama MSD. Bagi tujuan permasaran kepada anda.	Tidak, kecuali anda mengizinkannya secara nyata.	Ya
Bagi tujuan laporan kepada badan kerajaan (Seperti FDA di Amerika Syarikat)	Ya, sebagai contoh, bagi melaporkan maklumat keselamatan mengenai produk syarikat kami.	Tidak

Tarikh Kuat Kuasa: Mac 2026

MSD berhak mengubah, menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil keputusan mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-malaysia.com/our-values/privacy.

Notis MSD Malaysia Mengenai Amalan Data Untuk Pakar Kesihatan

<p>Kepada pihak yang terlibat dengan prosiding undang-undang yang relevan sebagaimana dibenarkan oleh mahkamah kehakiman atau tribunal yang mengadili prosiding tersebut ataupun setakat yang diwajibkan atau dibenarkan secara nyata oleh undang-undang yang berkenaan.</p>	Ya	Tidak
<p>Sekiranya Merck & Co., Inc., Rahway, New Jersey, Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk menjualkan sama ada separuh atau kesemua jenis perniagaan yang dimiliki melalui cara penjualan, penggabungan atau pemindahan hak milik kepada pihak yang berpotensi di masa hadapan.</p>	Ya, berdasarkan perjanjian bertulis yang menyatakan bahawa maklumat peribadi akan dilindungi secara sesuai sekiranya berlaku situasi tersebut.	Secara umumnya, tidak, kecuali jika anda mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa atau ia memerlukan anda untuk menyuarakan kebimbangan anda.
<p>Kepada syarikat secara global yang memberikan perkhidmatan bagi pihak kami dan selaras dengan arahan yang kami berikan (Contohnya: bagi tujuan penyampaian maklumat terperinci seperti yang dikehendaki anda).</p>	Ya, jika operasi perniagaan ini mendapat sokongan daripada syarikat lain. Sebagai sebuah syarikat yang beroperasi di peringkat antarabangsa, kami menjalinkan kerjasama dengan beberapa syarikat di seluruh dunia bagi menjalankan perkhidmatan buat pihak kami, dan kami mewajibkan agar syarikat yang terlibat untuk melindungi maklumat peribadi selaras dengan undang-undang berkaitan serta polisi peribadi syarikat kami.	<p>Secara umumnya, tidak. Kami telah mengenakan syarat dan peraturan yang ketat melalui polisi syarikat kami bagi memastikan syarikat yang berkaitan di seluruh dunia untuk melindungi maklumat peribadi anda apabila mengendalikan maklumat peribadi bagi pihak kami. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan di tempat anda membenarkan anda untuk mengadakan perkongisan maklumat, kami akan mematuhi peraturan tersebut.</p> <p>Di dalam keadaan kami bekerjasama dengan syarikat lain bagi tujuan operasi perniagaan kami, seperti syarikat yang akan berhubung dengan kami bagi tujuan penghantaran bahan yang anda kehendaki, anda tidak berhak untuk mengadakan perkongisan ini dan masih tetap menerima perkhidmatan tersebut.</p>
<p>Kepada syarikat-syarikat *gabungan yang berada di dalam keluarga syarikat Merck & Co., Inc., Rahway, New Jersey, Amerika Syarikat di seluruh dunia bagi tujuan pengoperasian perniagaan harian kami, seperti yang dijelaskan di dalam notis ini.</p> <p>Syarikat-syarikat *gabungan adalah syarikat yang berkaitan dalam soal pemilikan atau kawalan bersama yang berada di luar Amerika Syarikat, ahli gabungan yang berada di dalam Merck & Co., Inc., Rahway, New Jersey, Amerika Syarikat kebiasaannya beroperasi di bawah nama "MSD" atau "Merck Sharp & Dohme".</p>	<p>Ya, sebagai sebuah syarikat antarabangsa, kami secara umumnya akan kongsi maklumat peribadi kepada seluruh rangkaian pejabat kami yang berada di seluruh dunia bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam notis ini. Namun, kebenaran serta akses kepada maklumat sedemikian hanya diberikan kepada sesetengah individu seperti mereka yang terlibat dengan tujuan perniagaan yang disahkan.</p> <p>Sebagai contoh, maklumat berkaitan pembayaran anda hanya akan terdapat di cawangan MSD yang berada di negara anda dan kumpulan yang berada di Amerika Syarikat bertanggungjawab bagi tujuan pembayaran.</p>	<p>Secara umumnya, tidak. Kami telah mengenakan syarat dan peraturan yang ketat melalui polisi syarikat kami bagi memastikan syarikat yang berkaitan di seluruh dunia untuk melindungi maklumat peribadi anda apabila mengendalikan maklumat peribadi bagi pihak kami. Walau bagaimanapun, jika undang-undang tempatan di tempat anda membenarkan anda untuk mengadakan perkongisan maklumat, kami akan mematuhi peraturan tersebut.</p> <p>Anda boleh meminta untuk maklumat peribadi anda tidak dipindahkan ke luar negara. Namun, dalam kebanyakan kes, ini boleh mengadakan perkhidmatan kami kepada anda. Jika sistem pelayan komputer kami yang menyimpan proses serta merupakan pangkalan data kami terletak di negara lain, kebiasaannya kami tidak akan dapat memenuhi permintaan anda namun masih tetap memberikan perkhidmatan kepada anda.</p>

Tarikh Kuat Kuasa: Mac 2026

MSD berhak mengubah, menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil keputusan mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-malaysia.com/our-values/privacy.

Notis MSD Malaysia Mengenai Amalan Data Untuk Pakar Kesihatan

Kepada orang awam bertujuan sebagai laporan tahunan yang melibatkan maklumat mengenai pemindahan nilai yang diberikan kepada HCP sama ada secara langsung iaitu berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan, atau secara tidak langsung iaitu melalui pendidikan perubatan atau penglibatan diri di kongres.	Tidak, kecuali anda mengizinkannya secara nyata.	Ya, untuk pengetahuan anda, di sebilangan negara, perkongsian maklumat sedemikian adalah dianggap sebagai kepentingan untuk orang awam dan berkemungkinan untuk tetap dikongsi walau tidak mendapat kebenaran daripada anda.
Kepada syarikat lain yang mempunyai jalinan kerjasama dengan kami atas tujuan mengadakan aktiviti berkaitan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan atau dibangunkan hasil daripada kerjasama MSD dan syarikat lain tersebut.	Ya, berdasarkan persetujuan bertulis bersama yang diadakan oleh MSD dan syarikat tersebut.	Ya, jika anda khususnya memilih untuk dikecualikan.

Pemindahan data peribadi ke negara luar dari Malaysia	<p>MSD mungkin akan memindahkan data peribadi anda ke luar daripada Malaysia bagi tujuan seperti yang dinyatakan di dalam borang ini.</p> <p>Perkara berkaitan kebenaran daripada pihak anda untuk memindahkan data peribadi anda ke negara luar dari Malaysia adalah seperti yang dinyatakan dalam borang ini.</p>
Hubungi kami	<p>Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai notis ini yang merangkumi maklumat peribadi anda yang dikumpul, digunakan serta dikongsikan MSD, atau jika anda ingin menukar kaedah komunikasi anda bersama MSD (contohnya tidak mahu menggunakan kaedah e-mel atau faks) atau jika anda memutuskan untuk menarik diri daripada beberapa program tertentu, atau jika anda memerlukan akses ke pangkalan data MSD bagi tujuan kemaskini dan/atau pembetulan maklumat peribadi anda selaras seperti yang dibenarkan kepada anda oleh undang-undang, sila hubungi kami. Jika anda memutuskan untuk menarik diri, pihak kami mungkin akan bekerjasama dengan pihak ketiga bagi membantu urusan anda.</p> <p>Untuk berhubung dengan Pegawai Peribadi MSD, sila hubungi:</p> <p>Petugas Privasi Merck Sharp & Dohme (Malaysia) Sdn. Bhd. B-22-1 & B-22-2 The Ascent Paradigm No. 1 Jalan SS7/26A Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Malaysia Tel: +603-74991600 Fax: +603-74991700</p> <p>Untuk berhubung dengan Pejabat Privasi Global, adalah melalui:</p> <p>Merck & Co., Inc., Rahway, NJ, Amerika Syarikat, UG4B24 351 N. Sumneytown Pike North Wales, PA 19454</p> <p>Atau kirimkan e-mel kepada Pejabat Privasi</p>

Tarikh Kuat Kuasa: Mac 2026

MSD berhak mengubah, menambah atau mengeluarkan bahagian-bahagian notis ini pada bila-bila masa. Jika kami mengambil keputusan mengubah notis ini, kami akan menyiarkan notis yang kemas kini pada laman web kami, iaitu www.msd-malaysia.com/our-values/privacy.